

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berasa Pindaan “Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953” adalah mencukupi untuk membanteras gejala judi haram yang semakin berleluasa di Malaysia. Adakah pihak Kementerian mempunyai strategi yang lebih berkesan dalam membanteras gejala judi haram yang berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli dewan, Kementerian Kewangan hanya memantau semua aktiviti perjudian berlesen sahaja manakala aktiviti perjudian haram adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.
2. Untuk makluman ahli dewan juga, Kementerian Kewangan sedang dalam semakan untuk meminda dan memperketatkan hukuman dan denda di bawah akta-akta perjudian sedia ada iaitu Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Akta Pertaruhan Wang Terkumpul 1967, Akta Loteri 1952 dan Akta Pertaruhan 1953 bagi membendung aktiviti perjudian haram di Malaysia.
3. Tuan Yang di-Pertua, selain memperketatkan hukuman dan penalti mandatori di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka, Kerajaan sangat menggalakkan kerjasama semua pihak untuk menyalurkan sebarang maklumat berkenaan aktiviti perjudian haram di sekeliling kepada Polis Diraja Malaysia untuk diambil tindakan undang-undang.
4. Kerjasama dari setiap lapisan masyarakat untuk membanteras aktiviti perjudian haram diharap dapat membendung kegiatan perjudian haram secara lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.